

Mata Pelajaran dan Kelas	Pendidikan Islam : Tahun 1 Anggerik
Masa	60 menit
Standard Kandungan	5.2 Menyatakan Adab Kepada Ibu Bapa
Standard Pembelajaran	5.2.1 Menyebut Adab-Adab Terhadap Ibu Bapa 5.2.2 Mengenal pasti kelebihan beramal dengan adab terhadap ibu bapa 5.2.3 Menjelaskan akibat tidak beramal dengan adab terhadap ibu bapa 5.2.4 Mendoakan kesejahteraan kepada ibu bapa
Objektif Pembelajaran	Murid dapat : 1) Murid dapat menyebut empat daripada enam adab terhadap ibu bapa. 2) Murid dapat membaca doa kepada ibu bapa dengan lancar. 3) Mengenalpasti tiga kelebihan beramal dengan adab terhadap ibu bapa. 4) Menjelaskan empat akibat tidak beramal dengan adab terhadap ibu bapa.
Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran	1. Penerangan 2. Soal jawab 3. Permainan 4. Lakonan 5. Tayangan video
E.M.K	1. Keusahawanan : murid bekerjasama dan mempunyai daya saing untuk menghasilkan kerja kumpulan

	2. Kreativiti : murid dapat memberi contoh lain mengenai adab terhadap ibu bapa.
Bahan Bantu Mengajar	1) Video 2) Teks <i>Power Point</i>
Penilaian Pembelajaran dan Pengajaran	1) Kuiz 2) Soal jawab

Langkah/Masa	Isi Kandungan	Aktiviti	Catatan
Muqadimah (2 minit)	Bacaan doa : رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي Lafaz dua kalimah syahadah: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ	Murid membaca doa dan lafaz dua kalimah syahadah secara berjemaah.	Adab berdoa.
Fasa Persediaan			
1.1 Pemerhatian (Set Induksi) (3 minit)	Video : Keluarga saya	1.1.1 Guru menunjukkan video tentang keluarga di layar skrin.	Keinginan kepada maklum balas segera. Nilai : Bersungguh-sungguh. Bahan : video
1.2 Analisis (3 minit)	Soalan jawab berkaitan dengan video yang telah ditayangkan : <ul style="list-style-type: none"> - Adakah anda menyayangi ibu bapa masing-masing? - Siapa yang menghantar kamu pergi ke sekolah? - Adakah kamu bersalaman dengan ibu bapa sebelum pergi 	1.2.1 Guru bersoal jawab dengan murid. 1.2.2 Jawapan murid dikaitkan dengan isi pelajaran.	Menilai sejauh mana nilai kasih sayang murid terhadap ibu bapa.

	<p>ke sekolah?</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adakah kamu membantu ibu bapa di rumah? 		
Fasa Imaginasi			
<p>1.3 Penjanaan Idea (8 minit)</p>	<p>Tayangan video Adab terhadap ibu bapa :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyahut panggilan dengan segera. - Rendahkan suara ketika bercakap. - Mengembirakan hati mereka. - Membantu ibu bapa. - Memandang mukanya apabila bercakap. - Mendoakan kesejahteraan mereka. 	<p>1.3.1 Murid bersoal jawab dengan guru tentang adab terhadap ibu bapa.</p> <p>1.3.2 Murid ditunjukkan video adab terhadap ibu bapa.</p> <p>1.3.3 Murid mendengar penerangan guru tentang adab terhadap ibu bapa.</p> <p>1.3.4 Murid membaca secara kelas, kumpulan dan individu tentang adab terhadap ibu bapa.</p>	<p>Peka kepada peluang :</p> <p>Nilai :</p> <p>Bersungguh-sungguh.</p> <p>Bahan : video</p>
<p>1.4 Sintesis Idea (10 minit)</p>	<p>Mendoakan kesejahteraan ibu bapa :</p> <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْتَنِي صَغِيرًا</p> <p>“Wahai tuhanku ampunilah dosaku dan dosa kedua ibu bapaku dan kasihanilah mereka sebagaimana mereka</p>	<p>1.4.1 Murid membaca doa secara kelas, kumpulan dan individu.</p>	<p>Adab dalam berdoa.</p> <p>Nilai : Kasih sayang.</p> <p>Bahan : video</p>

	mengasihani semasa kecil.”												
Fasa Perkembangan													
1.5 Penambahbaikan (10 minit)	<p>Video kelebihan beradab terhadap ibu bapa dan akibat tidak beradab kepada ibu bapa :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelebihan</th> <th>Akibat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Dikasihani keluarga</td> <td>Mendapat dosa</td> </tr> <tr> <td>Menjadi anak soleh yang menjadi ikutan</td> <td>Menjadi anak derhaka</td> </tr> <tr> <td>Dimasukkan ke dalam syurga</td> <td>Tidak disayangi ibu bapa</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Balasan neraka</td> </tr> </tbody> </table>	Kelebihan	Akibat	Dikasihani keluarga	Mendapat dosa	Menjadi anak soleh yang menjadi ikutan	Menjadi anak derhaka	Dimasukkan ke dalam syurga	Tidak disayangi ibu bapa		Balasan neraka	<p>1.5.1 guru menunjukkan kelebihan beradab terhadap ibu bapa dan akibat tidak beradab kepada ibu bapa.</p> <p>1.5.2 Murid diberi penerangan oleh guru.</p> <p>1.5.3 Murid bersoal jawab dengan guru untuk mengetahui kelebihan beradab atau akibat tidak beradab.</p>	<p>Daya kreativiti dan inovasi.</p> <p>Bahan : video</p>
Kelebihan	Akibat												
Dikasihani keluarga	Mendapat dosa												
Menjadi anak soleh yang menjadi ikutan	Menjadi anak derhaka												
Dimasukkan ke dalam syurga	Tidak disayangi ibu bapa												
	Balasan neraka												
1.6 Penilaian (12 minit)	Kuiz mengenai adab terhadap ibu bapa	<p>1.6.1 Guru membahagikan murid kepada kumpulan.</p> <p>1.6.2 Guru mengemukakan</p>	<p>Boleh membina jaringan sosial.</p> <p>Nilai :</p>										

		soalan-soalan kepada murid.	Kerjasama.
Fasa Tindakan			
1.7 Pelaksanaan (10 minit)	Lakonan adab-adab terhadap ibu bapa.	1.7.1 Guru menyediakan kotak beracun yang di dalamnya terdapat adab-adab terhadap ibu bapa. 1.7.2 Murid akan melakonkan adab berdasarkan apa yang mereka cabut di dalam kotak.	Fleksibiliti. Nilai : Berfikiran kreatif. Bahan : Kotak Beracun.
1.8 Amalan Berterusan (2 minit)	Rumusan sosial : Nasihat.	1.8.1 Murid dinasihati supaya beramal dengan adab terhadap ibu bapa dan sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka.	Nilai : Beramal dengan apa yang dipelajari.

Haziqah Najian bt Zakira @ Zakeria

Bersyukur ke hadrat Illahi, atas limpah dan kurnianya dapat saya melengkapkan tugas EDU 3105 Teknologi dalam Pendidikan pada kali ini. Terima kasih saya ucapkan terutamanya kepada pensyarah pembimbing iaitu Puan Mazilah bt Abdullah yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang pelaksanaan tugas ini. Tidak saya lupakan rakan seperjuangan saya iaitu Nur Azmina pasangan saya bagi tugas ini, terima kasih saya ucapkan kerana banyak membantu saya dalam menyiapkan tugas kami. Ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang banyak membantu seperti menjadi pelakon tambahan, membantu merakam video dan sudi berkongsi maklumat. Kepada kedua orang tua saya, saya ucapkan terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada saya untuk sentiasa bersemangat di dalam menimba ilmu. Dan akhir sekali, terima kasih kepada semua yang telah membantu secara langsung ataupun tidak. Untuk tugas kali ini, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah RPH beserta video bagi satu topik sekolah rendah yang kami pilih.

Banyak pengalaman yang saya perolehi semasa menyiapkan tugas ini. Antaranya ialah kami dapat mencungkil bakat berlakon di dalam diri saya dan rakan-rakan. Untuk menghasilkan sesuatu yang lebih kreatif dan lebih kepada hasil titik peluh kami sendiri, saya dan Azmina telah merancang untuk melakonkan sendiri video dan meminta bantuan daripada rakan-rakan. Hal ini telah memberi peluang kepada saya dan rakan-rakan untuk menunjukkan bakat lakonan masing-masing. Sebagai seorang bakal guru, kemahiran berlakon itu perlu ada dalam setiap diri kami kerana ianya diperlukan untuk membantu pemahaman murid-murid seperti contoh menggunakan mimik muka serta intonasi suara yang bersesuaian apabila menyampaikan sebuah cerita.

Pada semester ini, kami telah mempelajari teknik-teknik merakam video dengan betul dan cara menghasilkan sebuah video yang menarik. Daripada tugas ini, kami dapat mengaplikasikan jenis-jenis shot yang telah kami pelajari seperti long shot, medium shot dan close up. Kami juga mengaplikasikan pergerakan kamera video seperti panning, tilting, dolly

dan pedestal. Selain dapat mengaplikasikan apa yang telah kami pelajari, saya juga dapat mengesan kesalahan-kesalahan yang kami lakukan ketika merakam video seperti mengambil gambar orang tetapi gambar kepalanya tidak diambil keseluruhan. Hal ini sebenarnya membantu kami menambahbaikkan lagi teknik mengambil gambar kami dan tidak mengulangi lagi kesalahan yang telah kami lakukan. Selain itu juga, saya dapat memuhasabahkan diri apabila melihat kelakuan sendiri di video. Saya dapat melihat cara percakapan dan pergaulan saya dengan rakan-rakan yang mana saya rasakan perlu diperelokkan dan diperhalusi lagi dalam usaha membentuk diri menjadi insan yang solehah.

Setiap kehidupan pasti akan menghadapi masalahnya tersendiri. Begitu juga dalam menyiapkan tugas ini, pelbagai masalah yang telah saya hadapi. Bagi tugas ini, saya dan Azmina telah bersepakat untuk menggunakan program Cyberlink bagi menghasilkan video kami. Walaupun sebelum ini kami telah menggunakan program ini, tetapi kami masih kurang menguasai penggunaan Cyberlink. Disebabkan terlalu lama sudah tidak menggunakannya, saya terlupa dengan fungsi-fungsi bagi setiap butang icon di dalam Cyberlink. Selain itu, notebook saya juga terlalu kecil dan tidak dapat memuatkan Cyberlink. Saya dan Azmina telah berjumpa dengan rakan-rakan yang lebih pakar dalam penggunaan Cyberlink ini dan Azmina sendiri juga banyak membimbing saya. Selain itu, notebook saya tidak dapat memuat turun program Cyberlink kerana RAM notebook saya terlalu kecil. Oleh itu, saya perlu membahagi masa untuk menggunakan laptop Azmina untuk meng'edit' video tanpa mengganggu kerja-kerjanya.

Antara sebab-sebab tugas ini dapat meningkatkan kefahaman tentang perkembangan kognitif individu ialah membantu seseorang merancang dengan baik. Melalui tugas ini, saya telah mempelajari cara-cara pengurusan masa dengan baik kerana saya perlu membahagi masa untuk menyiapkan tugas ini dengan kerja-kerja yang lain. Saya juga perlu menetapkan satu masa dengan Azmina untuk meminjam laptopnya bagi meng'edit' video kami. Selain itu, saya juga telah mempelajari untuk merancang dahulu sebelum merakam video, seperti merancang pembahagian babak bagi pelakon-pelakon, babak-babak yang perlu dirakam dahulu supaya video yang bakal kami hasilkan nampak tersusun dan teratur.

Pemikiran yang kreatif amat diperlukan dalam menghasilkan video, begitu juga dengan tugas ini yang mana membantu saya berfikir dengan lebih kreatif lagi yang mana saya rasakan amat diperlukan bagi seorang guru untuk berfikir dengan kreatif.

Tugas ini juga merapatkan lagi ukhuwah saya dengan rakan-rakan sekelas. Hal ini kerana kami saling bantu-membantu serta memberikan pendapat bagi menghasilkan tugas yang menarik serta menepati ciri-ciri yang dikehendaki. Penghasilan video ini juga meningkatkan lagi kemahiran berfikir kerana saya perlu memikirkan cara menghasilkan video yang kreatif, penyusunan video supaya nampak kemas dan rakan-rakan yang sesuai dengan watak-watak yang bakal mereka bawa. Hal ini boleh saya aplikasikan apabila menjadi guru kelak dalam menghasilkan pengajaran yang dapat menarik perhatian murid-murid serta berkesan. Tugas ini juga membantu saya dalam mempersiapkan diri untuk menjadi seorang guru. Kami telah ditugaskan untuk menyediakan RPH dan video bagi BBM yang mana merupakan antara komponen penting dalam pengajaran. Video yang telah dihasilkan juga boleh saya gunakan apabila saya mengajar kelak. Saya berasa sangat gembira kerana dapat menyiapkan tugas ini pada masa yang telah diberikan.

Haziqah Najian bt Zakira @ Zakeria

Bersyukur ke hadrat Illahi, atas limpah dan kurnianya dapat saya melengkapkan tugas EDU 3105 Teknologi dalam Pendidikan pada kali ini. Terima kasih saya ucapkan terutamanya kepada pensyarah pembimbing iaitu Puan Mazilah bt Abdullah yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang pelaksanaan tugas ini. Tidak saya lupakan rakan seperjuangan saya iaitu Nur Azmina pasangan saya bagi tugas ini, terima kasih saya ucapkan kerana banyak membantu saya dalam menyiapkan tugas kami. Ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang banyak membantu seperti menjadi pelakon tambahan, membantu merakam video dan sudi berkongsi maklumat. Kepada kedua orang tua saya, saya ucapkan terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada saya untuk sentiasa bersemangat di dalam menimba ilmu. Dan akhir sekali, terima kasih kepada semua yang telah membantu secara langsung ataupun tidak. Untuk tugas kali ini, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah RPH beserta video bagi satu topik sekolah rendah yang kami pilih.

Banyak pengalaman yang saya perolehi semasa menyiapkan tugas ini. Antaranya ialah kami dapat mencungkil bakat berlakon di dalam diri saya dan rakan-rakan. Untuk menghasilkan sesuatu yang lebih kreatif dan lebih kepada hasil titik peluh kami sendiri, saya dan Azmina telah merancang untuk melakonkan sendiri video dan meminta bantuan daripada rakan-rakan. Hal ini telah memberi peluang kepada saya dan rakan-rakan untuk menunjukkan bakat lakonan masing-masing. Sebagai seorang bakal guru, kemahiran berlakon itu perlu ada dalam setiap diri kami kerana ianya diperlukan untuk membantu pemahaman murid-murid seperti contoh menggunakan mimik muka serta intonasi suara yang bersesuaian apabila menyampaikan sebuah cerita.

Pada semester ini, kami telah mempelajari teknik-teknik merakam video dengan betul dan cara menghasilkan sebuah video yang menarik. Daripada tugas ini, kami dapat mengaplikasikan jenis-jenis shot yang telah kami pelajari seperti long shot, medium

shot dan close up. Kami juga mengaplikasikan pergerakan kamera video seperti panning, tilting, dolly dan pedestal. Selain dapat mengaplikasikan apa yang telah kami pelajari, saya juga dapat mengesan kesalahan-kesalahan yang kami lakukan ketika merakam video seperti mengambil gambar orang tetapi gambar kepalanya tidak diambil keseluruhan. Hal ini sebenarnya membantu kami menambahbaikkan lagi teknik mengambil gambar kami dan tidak mengulangi lagi kesalahan yang telah kami lakukan. Selain itu juga, saya dapat memuhasabahkan diri apabila melihat kelakuan sendiri di video. Saya dapat melihat cara percakapan dan pergaulan saya dengan rakan-rakan yang mana saya rasakan perlu diperelokkan dan diperhalusi lagi dalam usaha membentuk diri menjadi insan yang solehah.

Setiap kehidupan pasti akan menghadapi masalahnya tersendiri. Begitu juga dalam menyiapkan tugas ini, pelbagai masalah yang telah saya hadapi. Bagi tugas ini, saya dan Azmina telah bersepakat untuk menggunakan program Cyberlink bagi menghasilkan video kami. Walaupun sebelum ini kami telah menggunakan program ini, tetapi kami masih kurang menguasai penggunaan Cyberlink. Disebabkan terlalu lama sudah tidak menggunakannya, saya terlupa dengan fungsi-fungsi bagi setiap butang icon di dalam Cyberlink. Selain itu, notebook saya juga terlalu kecil dan tidak dapat memuatkan Cyberlink. Saya dan Azmina telah berjumpa dengan rakan-rakan yang lebih pakar dalam penggunaan Cyberlink ini dan Azmina sendiri juga banyak membimbing saya. Selain itu, notebook saya tidak dapat memuat turun program Cyberlink kerana RAM notebook saya terlalu kecil. Oleh itu, saya perlu membahagi masa untuk menggunakan laptop Azmina untuk meng'edit' video tanpa mengganggu kerja-kerjanya.

Antara sebab-sebab tugas ini dapat meningkatkan kefahaman tentang perkembangan kognitif individu ialah membantu seseorang merancang dengan baik. Melalui tugas ini, saya telah mempelajari cara-cara pengurusan masa dengan baik kerana saya perlu membahagi masa untuk menyiapkan tugas ini dengan kerja-kerja yang lain. Saya juga perlu menetapkan satu masa dengan Azmina untuk meminjam laptopnya bagi meng'edit' video kami. Selain itu, saya juga telah mempelajari untuk merancang dahulu sebelum merakam video, seperti merancang pembahagian babak

bagi pelakon-pelakon, babak-babak yang perlu dirakam dahulu supaya video yang bakal kami hasilkan nampak tersusun dan teratur. Pemikiran yang kreatif amat diperlukan dalam menghasilkan video, begitu juga dengan tugas ini yang mana membantu saya berfikir dengan lebih kreatif lagi yang mana saya rasakan amat diperlukan bagi seorang guru untuk berfikir dengan kreatif.

Tugas ini juga merapatkan lagi ukhuwah saya dengan rakan-rakan sekelas. Hal ini kerana kami saling bantu-membantu serta memberikan pendapat bagi menghasilkan tugas yang menarik serta menepati ciri-ciri yang dikehendaki. Penghasilan video ini juga meningkatkan lagi kemahiran berfikir kerana saya perlu memikirkan cara menghasilkan video yang kreatif, penyusunan video supaya nampak kemas dan rakan-rakan yang sesuai dengan watak-watak yang bakal mereka bawa. Hal ini boleh saya aplikasikan apabila menjadi guru kelak dalam menghasilkan pengajaran yang dapat menarik perhatian murid-murid serta berkesan. Tugas ini juga membantu saya dalam mempersiapkan diri untuk menjadi seorang guru. Kami telah ditugaskan untuk menyediakan RPH dan video bagi BBM yang mana merupakan antara komponen penting dalam pengajaran. Video yang telah dihasilkan juga boleh saya gunakan apabila saya mengajar kelak. Saya berasa sangat gembira kerana dapat menyiapkan tugas ini pada masa yang telah diberikan.